

# Tiga metodologi jadi teras AeU

» Program direka khas lengkapkan pelajar konsep teori, analisis

Oleh Haryani Ngah  
aryani@bh.com.my

**D**alam sesebuah syarikat yang maju dan berdaya saing, seorang pengurus tidak hanya bijak menguruskan syarikat saja sebaliknya mampu menguasai bidang teknologi maklumat (IT) secara terkini bagi memastikan perjalanan pengurusan berjalan lancar.

Bagi mereka yang ingin menyambung pengajian peringkat sarjana, Asia e University (AeU) menyediakan Program Sarjana Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dari Asia e University (AeU) yang lebih menjurus kepada kaedah dan aplikasi pengurusan ICT.

Program ini direka khas untuk melengkapkan pelajar dengan konsep teori dan analisis yang menyediakan mereka untuk mengharungi cabaran serta kompleksiti dunia teknologi maklumat yang dinamik dan bersifat global.

## Tidak ditawarkan di universiti lain

Menurut Dekan Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (SICT), AeU, Prof Dr Syed Malek Fakar Duani, program Sarjana Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi di AeU sangat istimewa dan tidak ditawarkan di universiti lain.

Menerusi program pengajian ini, pelajar berkemampuan menggunakan teknik ICT dalam menyelesaikan permasalahan dan sekali gus mampu membuat keputusan untuk sesebuah organisasi.

Antara kepakaran disediakan di bawah program ini adalah Keselamatan Maklumat, Pengurusan Projek, Pengurusan Pengatahuan, Keusahawanan ICT, Pengurusan Perniagaan dan Perbankan Islam.

Kursus ditawarkan dibentuk dengan kerjasama pakar dalam bidang berkaitan.

AeU mengaplikasikan mod Pembelajaran Teradun menerusi tiga metodologi iaitu Pembelajaran Kendiri, Pembelajaran Langsung Dalam



Syed Malek Fakar Duani

Talian dan Pengajian Berse-muka supaya pelajar dapat belajar dengan lebih efektif. Laman sesawang khas yang diberi nama *Personalised Learning Space* (PLS) membolehkan pelajar mengakses dan memuat naik bahan pembelajaran lebih awal bila-bila masa dan di mana sahaja.

Program ICT di AeU ditawarkan melalui sistem pengajian jarak jauh fleksibel di mana golongan profesional boleh mengikutinya tanpa perlu berhenti kerja.

Begitu juga dengan mereka yang bekerja dalam industri ICT kerana bilangan graduan bidang ini yang meningkat setiap tahun. Sistem ODL yang mudah dan fleksibel.

## Syarat kelayakan

Untuk mengikuti pengajian dalam program ini, syarat kelayakannya adalah Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan. Peluang turut diberikan kepada mereka yang mempunyai pengalaman kerja dan berusia 35 tahun ke atas dengan syarat memiliki sekurang kurangnya STPM atau kelulusan yang diiktiraf oleh senat.

Kerjaya dalam bidang ICT meliputi pegawai sistem maklumat, pensyarah dan guru ICT, pengaturcara komputer, juru analisa komputer, pentadbir rangkaian, juruanalisis sistem, artis animasi, pakar runding ICT, pakar grafik dan multimedia serta pegawai pangkalan data.

AeU adalah sebuah universiti bertaraf antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 2007 melalui sokongan 33 negara anggota Dialog Kerjasama Asia (Asia Cooperative Dialogue).

Pengambilan September 2014 kini dibuka. Pendaftaran boleh dilakukan secara pendaftaran atas talian di [www.aeu.edu.my](http://www.aeu.edu.my) atau boleh menghubungi kami di talian bebas tol 1 300 300 238.